

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS
**DARIPADA : YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL
HAMID**
KAWASAN : KAPAR

SOALAN NO. 17

minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan bilakah kerja-kerja baik pulih jalan utama Kapar akan dimulakan setelah peruntukan bagi projek tersebut telah diluluskan sebelum ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi **tahun 2020** terdapat enam **(6) kerja penyenggaraan bernilai RM6 juta** yang **dilaksanakan oleh syarikat konsesi melalui Arahan Kerja (AK)**. Kerja-kerja penyenggaraan tersebut melibatkan tiga (3) kerja berkala pavemen dan tiga (3) kerja berkala bukan pavemen yang **yang mana telah disiapkan pada November 2020**.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian Kerja Raya sentiasa mengambil perhatian ke atas masalah kerosakan jalan Persekutuan yang berlaku di Parlimen Kapar. Untuk makluman Ahli Yang berhormat juga, **bagi tahun 2021**, Kementerian ini telah mengenalpasti **kerosakan jalan yang berlaku di FT05, Jalan Klang-Sabak Bernam yang dikenali sebagai Jalan Kapar** dan telah **merancang sebanyak 23 bilangan kerja berkala pavemen bernilai RM23.7 juta dan 1 bilangan kerja berkala bukan pavemen bernilai RM1 juta**. Kerja – kerja ini akan **dilaksanakan secara Arahan Kerja (AK) kepada syarikat konsesi dan tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan serta senarai keutamaan kerja yang disediakan oleh Jabatan Kerja Raya, berdasarkan penilaian tahap kritikal kerosakan jalan bagi keseluruhan jaringan Jalan Persekutuan di bawah seliaan Kementerian ini**.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **jumlah panjang Jalan Persekutuan di Parlimen Kapar iaitu Jalan Klang-Sabak Bernam laluan FT05, Jalan Pintas Selat Klang Utara (Persiaran Sultan Hishamuddin) laluan FT20 dan Jalan Masuk Kawasan Perindustrian Meru laluan FT3217** yang disenggara oleh syarikat konsesi adalah **sepanjang 51.87 km**. Kementerian ini telah memperuntukkan sebanyak **RM1.1 juta setahun bagi penyenggaraan rutin di jalan**

NO SOALAN : 17

Persekutuan **Parlimen Kapar**. Kementerian ini juga telah memperuntukkan sebanyak **RM14.4 juta bagi tahun 2018 hingga 2020** bagi kerja-kerja **penyenggaraan berkala**.

Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya adalah komited dalam memastikan tahap jalan persekutuan sentiasa dalam keadaan yang selamat dan selesa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

DARIPADA : DATO' ABDULAH SANI BIN ABDUL HAMID
SOALAN : BERTULIS

SOALAN

DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [KAPAR] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah Kerajaan dalam memastikan pembelaan pekerja yang tidak dibayar pampasan mengikut undang-undang setelah dibuang kerja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pekerja samada yang dibuang kerja atau diberhentikan boleh mengemukakan tuntutan bagi faedah-faedah kewangan yang dinafikan oleh majikan melalui tuntutan di bawah Akta Kerja 1955 seksyen 69A dan 69B. Pegawai Jabatan Tenaga Kerja perlu mendengar, menyiasat dan memutuskan tuntutan-tuntutan terhadap bekas majikan.

2. Pekerja perlu hadir ke Pejabat Tenaga Kerja berhampiran untuk mengemukakan keterangan dan maklumat lengkap berkenaan bagi memudahkan pihak jabatan mengambil tindakan sewajarnya.

3. Perlindungan kepada pekerja-pekerja yang akan dan telah diberhentikan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan di bawah Akta 265 dan peraturan-peraturan kerja iaitu:

- i. Gaji Ganti Notis di bawah Seksyen 12 (2), Akta Kerja 1955;
- ii. Faedah Pemberhentian Kerja sepertimana dalam Peraturan-Peraturan Kerja, Faedah-Faedah Penamatan dan Rentikerja Sementara 1980;
- iii. bayaran kerja lebih masa, kerja hari cuti am, kerja hari rehat dan baki cuti tahunan berbayar; dan
- iv. Lain-lain bayaran tetap mengikut kontrak perkhidmatan.

4. Sekiranya majikan gagal mematuhi perintah yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah, majikan boleh dikenakan tindakan penguatkuasaan perintah seperti:

- (i) Pendakwaan di Mahkamah Majistret atas kesalahan ingkar perintah di bawah seksyen 69(4) Akta Kerja 1955;

- (ii) Saman Penghutang Penghakiman bagi mahkamah menilai kemampuan majikan membayar jumlah terakru; dan
 - (iii) Writ Penyitaan dan Penjualan bagi menjual aset alih majikan dan membayar balik hasil jualan kepada pekerja bagi menyelesaikan tunggakan terakru.
5. Bagi kes di mana syarikat yang telah bankrap dan diletak di bawah peliquidasi (*liquidator*), tiada tindakan boleh dibuat ke atas majikan yang telah diisytihar bankrap atau digulung, menurut peruntukan di bawah seksyen 224, Akta Syarikat 1965 di mana seksyen tersebut menyatakan bahawa, apa-apa tindakan atau pelaksanaan yang dibuat terhadap mana-mana syarikat yang telah dimulakan prosiding penggulungan adalah tidak sah.
6. Oleh yang demikian, tiada tindakan boleh diambil oleh pekerja untuk memfailkan tuntutan kerana pihak Jabatan Tenaga Kerja (JTK) tiada kuasa untuk memulakan siasatan di bawah seksyen 69 Akta Kerja 1955.
7. Pekerja boleh mengambil tindakan melalui Jabatan Insolvensi atau merujuk terus kepada Pemegang Harta atau *Liquidator* yang dilantik oleh mahkamah iaitu dengan memfailkan borang Bukti Keberhutangan atau '*Proof of Debt*' dan Borang '*Proxy*' oleh pekerja-pekerja terlibat ke atas majikan yang mana, urusan selanjutnya adalah di bawah tanggungjawab dan kelolaan pekerja tersebut sendiri. Manakala bagi kes yang melibatkan syarikat perkongsian atau milikan tunggal, Akta Kebankrapan 1969 dan Peraturan 179, Peraturan Kebankrapan 1969 adalah terpakai.
8. Pekerja yang berhasrat untuk pemulihan pekerjaan (*reinstatement*) boleh memfailkan kes di Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) di bawah Seksyen 20, Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Akta ini memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja terhadap sebarang bentuk penamatan kerja tanpa sebab atau tanpa alasan yang munasabah untuk digajikan semula.
9. Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) yang dikuatkuasakan pada 1 Januari 2018 berperanan untuk membantu pekerja yang

SOALAN NO: 18

diberhentikan selaras dengan objektifnya memberi perlindungan kepada pekerja yang kehilangan pekerjaan dan membantu mereka mendapatkan pekerjaan baharu.

10. Melalui Akta Sistem Insurans Pekerjaan, pekerja yang diberi perlindungan insuran akan mendapat faedah sekiranya diberhentikan. Pekerja dan majikan yang mencarum di bawah skim akta ini akan dibayar faedah sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN
RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
[KAPAR]**

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan komitmen untuk membina sekolah rendah atau menengah untuk menampung pertambahan jumlah murid setiap tahun.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam usaha menyediakan prasarana dan kemudahan infrastruktur pendidikan kepada semua murid di seluruh negara. Bagi tujuan ini, KPM akan melaksanakan analisis keperluan secara terperinci dengan mengambil kira bilangan dan kapasiti sekolah sedia ada, kepadatan penduduk di kawasan sekitar, liputan kawasan tadahan (*catchment area*), serta perancangan pembangunan berdasarkan perbincangan bersama-sama pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi sesebuah kawasan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, projek pembinaan sekolah baharu 42 bilik darjah di SMK Kota Kemuning 2, mukim Kapar telah diluluskan dalam *Rolling Plan 1* (Tahun 2021) Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12)

Sekian.

RT01

